

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

USUL MEMOHON KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MELAKSANAKAN
PROGRAM KASIH WARGA EMAS
OLEH ONG GIM HOON

Saya berharap bahawa Kerajaan Persekutuan melaksanakan program kasih warga emas. Berdasarkan World Assembly on Ageing (1982), seseorang dikira warga tua sekiranya dia telah berumur 60 tahun. Menurut journal Nur Syakiran Akmal Ismail, Pusat Penyelidikan Koridor Utara, UUM, warga tua di Malaysia dijangka akan mencecah 3.21 juta orang pada tahun 2020. Bukan itu sahaja, berdasarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2007), Malaysia dijangka akan menghadapi fenomena menua pada tahun 2030. Oleh hal yang demikian, kebajikan warga emas harus diambil berat supaya mereka tidak tercicir dalam kalangan masyarakat.

Saya berpendapat bahawa kebajikan warga emas telah diabaikan oleh pelbagai pihak termasuklah anak-anak sendiri, pihak kerajaan dan masyarakat. Warga emas dipinggirkan dan dianggap tidak lagi berguna oleh masyarakat kerana usia mereka yang lanjut. Program kasih warga emas harus dilaksanakan kerana warga emas merupakan warganegara yang telah banyak memberi sumbangan dan bakti kepada masyarakat dan negara.

Di Malaysia hanya terdapat 9 buah Rumah Seri Kenangan (RSK) untuk 159 warga emas yang berupaya menguruskan diri, 2 buah rumah ehsan untuk warga emas yang terlantar dan tidak berupaya untuk menguruskan diri sendiri seta memerlukan rawatan rapi. Di samping itu, hanya terdapat 22 Pusat Pengajian Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang menjalankan aktiviti atau program kepada warga emas. Walau bagaimanapun, tiada RSK dan rumah ehsan yang bertempat di Pulau Pinang dan hanya terdapat 2 buah PAWE sahaja di Kepala Batas dan Balik Pulau.

Saya menegaskan agar Kerajaan Persekutuan harus memperbanyak pertubuhan PAWE di tempat utama di Pulau Pinang seperti George Town, Paya Terubong dan Bayan Lepas. Aktiviti yang diadakan oleh PAWE sekarang hanya mengutamakan

keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan dan ceramah kesihatan sahaja. Oleh hal yang demikian, program-program yang lebih menarik dan memanfaatkan warga emas harus dilaksanakan oleh pemilik atau pengasas rumah orang tua. Sebagai contoh, bengkel-bengkel yang boleh membantu mengajar warga tua menggunakan telefon pintar harus diadakan supaya mereka tidak tercalar pada zaman teknologi ini. Hal ini demikian kerana negara kita sedang menuju ke arah bandar pintar dan teknologi merupakan kata kunci untuk menjayakannya. Tentulah kita tidak boleh mengabaikan warga emas dalam pembangunan negara ini.

Berdasarkan laporan surat khabar Berita Harian (2017), kebanyakan rumah orang tua yang sedia ada tidak mempunyai lesen. Oleh hal yang demikian, saya menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan harus menguatkuasakan undang-undang kepada pemilik atau pengasas rumah orang tua yang tidak berlesen. Hal ini demikian kerana wujudnya banyak rumah orang tua yang tidak berlesen yang akan mendatangkan impak negatif kepada warga emas. Sebagai contoh, kebersihan orang tua tidak dijaga, makanan yang tidak berkhasiat dibekalkan, ketiadaan peralatan perubatan dan jururawat yang terlatih.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan harus bekerjasama dengan pihak swasta untuk menubuhkan rumah ehsan. Rumah ehsan tersebut mendapat subsidi daripada Kerajaan Persekutuan dalam pengurusanannya. Rumah ehsan ini didirikan untuk memberi bantuan kepada warga tua yang kurang sihat dan memerlukan jagaan daripada orang lain. Rumah ehsan ini memberi keutamaan warga emas yang tidak mempunyai anak dan saudara mara dan warga emas atau keluarga yang miskin terutamanya daripada kalangan M40 dan B40.

Hal ini demikian kerana sesetengah warga emas kurang sihat dan tidak mampu menjaga diri sendiri manakala anak-anak mereka perlu berkerja untuk mencari nafkah hidup sedangkan kos sara hidup semakin tinggi pada masa sekarang. Tambahan lagi, anak-anak mereka yang mempunyai keluarga sendiri mustahil untuk berhenti berkerja demi menjaga ibu bapa yang kurang sihat. Dalam keadaan yang terdesak seperti ini, kewujudan rumah orang tua merupakan penyelesaian masalah yang paling baik. Hal ini bukan menggalakkan anak-anak membiarkan warga tua mereka ke rumah orang tua lalu tidak mempedulikannya. Kewujudan rumah orang tua ini memanfaatkan warga

emas supaya kesihatan mereka terjaga. Hal ini demikian kerana terdapat jururawat yang terlatih menjaga mereka dan dapat memerhatikan sama ada penyakit warga emas ketidaknormalan atau tidak.

Saya berharap Kerajaan Persekutuan boleh mewujudkan polisi yang menggalakkan anak-anak B40 dan M40 menabung kepada ibu bapa mereka yang seerti dengan EPF i-SURI. Kerajaan memberi faedah yang tinggi kepada anak-anak yang menabung kepada ibu bapa mereka. Wang daripada tabungan ini boleh digunakan sebagai sara hidup kepada warga emas. Selain itu, wang tabungan ini boleh dijadikan sebagai wang kecemasan kepada ibu bapa mereka kelak. Bak kata pepatah, “sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit”, oleh hal demikian, pentingnya anak-anak menabung kepada ibu bapa mereka sejak mereka bekerja.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

Ong Gim Hoon

Ahli Sidang Muda 2018

